

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI
ANNUAR BIN HAJI MUSA [KETEREH]**

SOALAN NO. 85

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA [KETEREH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kutipan Tabung Harapan yang telah diperoleh dan perincian perbelanjaan yang bakal digunakan melalui kutipan dana berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, baki akhir setakat 14 Januari 2019 iaitu tarikh akhir penerimaan sumbangan ke dalam Tabung Harapan Malaysia (THM) adalah sebanyak RM202,716,775.10.

Untuk makluman Yang Berhormat juga,

Sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Arahan Amanah THM, semua hasil derma dan sumbangan yang diterima akan digunakan untuk pembayaran hutang Kerajaan Persekutuan dan pembayaran balik yang dibenarkan bagi tujuan akaun amanah ini sahaja dan sehingga kini masih belum ada sebarang pengeluaran dana THM dibuat bagi tujuan tersebut.

Selaras dengan peraturan dan perundangan semasa yang berkuat kuasa agar THM ditadbir secara teratur, telus dan berintegriti, akaun amanah ini kini di peringkat awal pengauditan oleh Jabatan Audit Negara (JAN). Sebarang penggunaan dana THM hanya dapat dimaklumkan setelah dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Akaun Amanah THM yang bertanggungjawab dalam pengurusan THM iaitu selepas laporan pengauditan dikemukakan oleh JAN.